



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Untuk memahami produk ini dengan lebih baik, sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

PB Care PA (Ini adalah produk insurans)

Ditaja jamin oleh:
AIA General Berhad

PENGEDAR & ALAMAT:
Public Bank Berhad
20th Floor Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tarikh: [Tarikh Polisi]

PERKARA-PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU

1. Apakah produk ini?

PB Care PA adalah insuran polisi perlindungan yang memberikan pampasan untuk anda dan keluarga anda sekiranya berlaku kecederaan, kehilangan upaya atau kematian yang disebabkan semata-matanya oleh keganasan, kemalangan, keadaan luaran dan yang boleh dilihat. Pelan ini juga melindungi kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung dan semata-mata bencana alam (banjir, tanah runtuh, kebakaran, tsunami, dll), serangan haiwan - anjing/ular dan ragut.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butir-butir lengkap mengenai faedah-faedah

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dibawah.

Bagi Insured

Faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Faedah Kematian Akibat Kemalangan	150,000	200,000	250,000	300,000
Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan (Kudung termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau ketidakupayaan untuk melaksanakan 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian [makan, berpakaian, mandi/membasuh, pergerakan, pengalihan dan buang air/penggunaan tandas])	150,000	200,000	250,000	300,000
Faedah Perlindungan Ragut (Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat ragut) (Di samping Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan)	50,000	50,000	75,000	100,000
Faedah Rawatan (Setiap kemalangan)	1,000	1,500	2,000	2,500
Faedah Pembayaran Balik Perubatan (Setiap kemalangan) (Di samping Faedah Rawatan)	1,000	1,500	2,000	2,500
Faedah Kemalangan Hospital (Sehingga 365 hari bagi setiap kemalangan)	200	200	200	200

Bagi Pasangan & Anak Insured

Faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Faedah Kematian Akibat Kemalangan	75,000	100,000	125,000	150,000
Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan (Kudung termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau ketidakupayaan untuk melaksanakan 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian [makan, berpakaian, mandi/membasuh, pergerakan, pengalihan dan buang air/penggunaan tandas])	75,000	100,000	125,000	150,000
Faedah Perlindungan Ragut (Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat ragut) (Di samping Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal di bawah Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan)	25,000	25,000	37,500	50,000
Faedah Rawatan (Setiap kemalangan)	500	750	1,000	1,250
Faedah Pembayaran Balik Perubatan (Setiap kemalangan) (Di samping Faedah Rawatan)	500	750	1,000	1,250
Faedah Kemalangan Hospital (Sehingga 365 hari bagi setiap kemalangan)	100	100	100	100

Nota:

- Pakej faedah anda akan bergantung kepada pelan yang anda pilih. Faedah tambahan opsyenal akan hanya diberikan jika ia dinyatakan secara spesifik pada Halaman Maklumat Polisi atau sebarang endorsemen yang dilampirkan bersama kontrak polisi.
- Amaun Muka dan faedah yang akan dibayar kepada Pasangan & Anak Insured adalah separuh daripada Amaun Muka dan amaun manfaat yang akan dibayar kepada Insured.
- Sila rujuk kepada jadual tanggung rugi bagi kehilangan upaya dalam kontrak polisi.
- Tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun. Jika anda ingin dilindungi lagi, anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Amaun yang perlu anda bayar boleh berubah dan bergantung kepada pelan yang anda pilih. Premium tersebut berkemungkinan akan sama sepanjang tempoh polisi. Walau bagaimanapun, kami berhak mengubahnya sejajar dengan premium yang dikenakan pada masa pembaharuan. Sebagai contoh, amaun semasa yang perlu dibayar bagi pelan-pelan di atas adalah seperti berikut:

Annual Amount*	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Insured sahaja	52.55	68.52	86.96	105.43
Insured + Pasangan	76.25	99.40	126.15	152.94
Insured + Anak	111.71	145.65	184.85	224.09
Insured + Keluarga (Pasangan Insured & Anak Insured)	135.41	176.53	224.04	271.60

Annual Amount*	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Insured sahaja	617.63	805.27	1,022.06	1,238.85
Insured + Pasangan	895.96	1,168.18	1,482.66	1,797.14
Insured + Anak	1,312.80	1,711.60	2,172.41	2,633.23
Insured + Keluarga (Pasangan Insured & Anak Insured)	1,591.13	2,074.51	2,633.01	3,191.52

* Amaun Bulanan/Tahunan adalah termasuk cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- (a) Komisen: 25% daripada premium yang dibayar setiap <MODE>, iaitu RM<COMM_PREM>.
- (b) Duti Setem: RM10.00 bagi setiap kontrak polisi untuk tahun pertama dan untuk setiap pembaharuan.
- (c) Cukai Kerajaan Yang Berkenaan: Premium yang dibayar adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

KELAYAKAN

Umur penyertaan untuk Insured/Pasangan ialah dari 18 hingga 60 tahun dan pembaharuan ialah sehingga umur 75 tahun. Rakyat Malaysia (pekerjaan Kelas 1 hingga 4) layak untuk memohon.

Umur penyertaan bagi Anak Insured ialah dari 4 minggu hingga 18 tahun, dan pembaharuan ialah sehingga a umur 23 tahun, tertakluk kepada syarat bahawa anak tersebut belum berkahwin dan tidak bekerja.

Nota: Warga asing, penganggur dan wanita-wanita hamil > 7 bulan tidak layak untuk memohon.

TEMPOH PERCUBAAN

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA General Berhad. Notis ini mesti ditandatangani oleh anda dan diterima oleh AIA General Berhad dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima polisi tersebut. Premium yang anda telah bayar (ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda. Sekiranya dalam borang permohonan anda tidak memilih menerima kontrak polisi anda dalam salinan fizikal, notis tersebut hendaklah diterima terus oleh kami dalam masa 15 hari epolisi anda menjadi tersedia di portal MY AIA.

TEMPOH PERLINDUNGAN

Perlindungan anda akan bermula apabila premium anda telah diterima sepenuhnya (bergantung kepada mod premium anda) dan selepas polisi anda telah diterbitkan.

Kecuali diperbaharui, perlindungan akan dibatalkan pada tarikh tamat dan AIA tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana perbelanjaan selepas tarikh tamat.

Perlindungan anda akan tamat secara automatik pada mana-mana tarikh berikut yang terawal:

- akhir tempoh ihsan 31 hari bagi sebarang premium yang belum dibayar; atau
- ulang tahun polisi selepas sahaja harijadi anda yang ke-75 tahun; atau
- jumlah amaun yang dilindungi oleh Faedah Kematian Akibat Kemalangan atau Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan (termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- tarikh premium yang perlu dibayar selepas tarikh kemalangan yang mengakibatkan sebarang kerugian tidak sengaja yang kurang daripada 100% Jumlah yang Diinsuranskan Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- apabila anda meninggal dunia; atau
- pembatalan polisi atas permintaan anda atau kami.

Perlindungan pasangan anda akan tamat secara automatik pada mana-mana tarikh berikut yang terawal:

- akhir tempoh ihsan 31 hari bagi sebarang premium yang belum dibayar; atau
- ulang tahun polisi selepas sahaja hari jadi pasangan anda yang ke-75 tahun; atau
- jika pasangan anda bukan lagi pasangan anda yang sah disisi undang-undang; atau
- jumlah amaun yang dilindungi oleh Faedah Kematian Akibat Kemalangan atau Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan (termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal) telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- tarikh premium yang patut dibayar yang berikut selepas tarikh kemalangan yang mengakibatkan sebarang kerugian tidak sengaja yang kurang daripada 100% Jumlah yang Diinsuranskan Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- apabila pasangan anda meninggal dunia; atau
- pembatalan polisi atas permintaan anda atau kami.

Perlindungan anak anda akan tamat secara automatik pada mana-mana tarikh berikut yang terawal:

- akhir tempoh ihsan 31 hari bagi sebarang premium yang belum dibayar; atau
- ulang tahun polisi selepas sahaja harijadi anak anda yang ke-23 tahun; atau
- apabila anak anda berkahwin atau mempunyai pekerjaan tetap; atau
- jumlah amaun yang dilindungi oleh Faedah Kematian Akibat Kemalangan atau Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan (termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal) telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- tarikh premium yang patut dibayar yang berikut selepas tarikh kemalangan yang mengakibatkan sebarang kerugian tidak sengaja yang lebih kurang daripada 100% Jumlah yang Diinsuranskan Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan telah dibayar atau perlu dibayar oleh kami kepada anda; atau
- apabila anak anda meninggal dunia; atau
- pembatalan polisi atas permintaan anda atau kami.

TEMPOH MENUNGGU

Anda/Pasangan anda/Anak anda perlu menunggu selama 12 bulan dari tarikh kemalangan anda/pasangan anda/anak anda untuk sebarang bayaran untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang diperihalkan dalam Faedah Kehidupan Akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan di kontrak polisi.

PERTUKARAN PEKERJAAN

Anda mesti memaklumkan kami secara bertulis jika anda menukar pekerjaan. Kami akan meneliti pekerjaan baru anda untuk menentukan, bagi tujuan insurans, sama ada ia masih tergolong dalam kelas pekerjaan yang boleh diinsuranskan untuk pelan ini.

Nota:

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat lengkap polisi ini.

6. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda perlu melengkapkan borang tuntutan, yang boleh didapati dari mana-mana cawangan AIA General Berhad atau dengan menelefon Talian Perkhidmatan Pelanggan AIA di 1-800-18-1464. Senarai cawangan-cawangan AIA General Berhad boleh didapati di AIA.COM.MY.

Anda mesti memberikan AIA General Berhad notis tuntutan bertulis mengenai sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari dari kemalangan tersebut yang menyebabkan kecederaan anda. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, notis tuntutan secara serta-merta mestilah diberikan kepada AIA General Berhad. AIA General Berhad juga memerlukan bukti tuntutan tersebut dikemukakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan.

Bagi tuntutan berkaitan dengan kecederaan, bukti tuntutan adalah termasuk laporan perubatan, laporan polis dan bil perubatan/rawatan yang berkaitan dengan tuntutan. Bagi tuntutan kematian akibat kemalangan, bukti tuntutan adalah termasuk sijil hospital, dokumen mengenai rawatan atau pemeriksaan perubatan, laporan polis, laporan bedah siasat dan sijil kematian atau keratan akhbar. Bukti identiti orang yang membuat tuntutan juga mesti dikemukakan.

Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA General Berhad.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Keadaan sedia ada
- Jangkitan bakteria
- Sebarang jenis penyakit atau sakit atau kecacatan kongenital
- Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali rawatan yang diperlukan akibat kecederaan yang dilindungi dibawah pelan ini)
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran
- Sukan profesional
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)
- Gangguan mental atau saraf; penggunaan sebarang jenis dadah/narkotik
- Sebarang jenis perlumbaan
- Terlibat di dalam sebarang pekerjaan yang berbahaya (Contoh: penyelam, nelayan laut dalam, pelombong dan sebagainya)
- Terlibat di dalam sebarang aktiviti yang berbahaya (Contoh: peluncuran gantung, terjun dengan payung terjun, meluncur, selam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, mendaki tebing batu dan sebagainya.)

Senarai pengecualian ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Apakah perkerjaan-pekerjaan yang dikecualikan?

- Juruterbang, konduktor, ahli-ahli krew atau operator udara atau kapal laut dan semua perkerjaan yang dikelaskan sebagai risiko 5.
- Tiada manfaat akan dibayar di bawah perlindungan insurans di mana keadaan berlaku disebabkan insured/pemilik atau pasangan pemilik terlibat dalam pekerjaan berbahaya termasuk yang dinyatakan seperti berikut: juruselam, nelayan laut dalam, pelombong, pekerja terowong, pekerja perancah, pengendali bahan letupan, pekerja pengeluaran senjata, pelaut, pembalak, polis atau anggota angkatan bersenjata/tentera darat/tentera laut dan anak kapal atau pengendali mana-mana pesawat udara atau kapal laut.

9. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA dengan menyatakan tarikh pembatalan yang dirancangan. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh itu. Jika kami menerima notis bertulis tersebut selepas tarikh pembatalan yang dirancangan itu, pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis bertulis tersebut diterima oleh kami. Apabila polisi anda dibatalkan, anda layak menerima pembayaran balik premium yang tidak diperolehi berdasarkan Jadual Pembatalan Kadar Jangka Pendek, jika berkenaan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan kepada butir-butir perhubungan anda atau profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat am mengenai produk insurans, sila layari laman web kami di AIA.COM.MY. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA General Berhad di:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)

Menara AIA

99 Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Care Line: 1 800 18 1464

T: 03 - 2056 1111

F: 03 – 2056 1391

Email: my.customer@aia.com

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

12. Lain-lain pelan dari jenis yang sama yang boleh didapati

Sila hubungi AIA General Berhad untuk pelan-pelan lain dari jenis yang sama yang ditawarkan oleh AIA General Berhad.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA JADUAL TANGGUNG RUGI BAGI KEHILANGAN UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU MENGHUBUNGI AIA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah setakat [Tarikh_Polisi].